



\_\_\_\_\_ :

### **Dasar-Dasar Asas Memahami al-Quran**

Di sana ada beberapa petunjuk kepada para pembaca al-Quran dan pengkaji nya yang dapat membantu mereka memahami ayat-ayat dan mengetahui intipati nya dalam semua urusan hidup. Di antara petunjuk utama tersebut ialah :-

1. Para pembaca hendaklah menanam dalam ingatan mereka tajuk-tajuk asas Al-Quran. Kajian utama nya ialah manusia dan memantau perihalnya dengan sistem bumi mereka. Kebahagiaan manusia bergantung kepada kepatuhan terhadap sistem Allah. Manusia adalah objektif utama Al-Quran.
2. Para pembaca hendaklah membezakan di antara kitab manusia yang bercakap tentang sesuatu tajuk dan dibahagikan kepada bab-bab dan fasal-fasal ; dengan al-Quran yang mengandungi berbagai tajuk dan diulang-ulang dengan kata-kata yang berbeza dan pelbagai gaya bahasa.
3. Para pembaca –apabila ingin mengetahui makna-makna umum- hendaklah membaca al-Quran sekali atau dua kali ... pasti akan jelas di hadapannya sistem Al-Quran tentang akidah, dasar-dasarnya, konsep-konsep asal yang ia kemukakan kepada manusia dan peraturan hidup yang dibina di atasnya.
4. Para pembaca –apabila ingin melakukan kajian mendalam tentang tajuk-tajuk tertentu- hendaklah membaca al-Quran itu berkali dan mencatat nota-notanya. Contohnya apabila dia ingin mengetahui sifat-sifat ahli syurga dan ahli neraka, dia hendaklah menulis dalam suatu kolom sifat-sifat ahli syurga dan suatu kolom yang lain pula sifat-sifat ahli neraka. Seterusnya dia mula membaca dan membuat catatan. Begitulah dia lakukan pada setiap permasalahan Al-Quran yang ingin dikaji seperti akidah, akhlak, politik dan sebagainya.
5. Para pembaca –apabila dia inginkan sebuah kajian tertentu- hendaklah membaca apa yang telah ditulis tentangnya sama ada lama atau baru. Dia hendaklah mengetahui persoalan-persoalan yang belum diketahui penyelesaiannya oleh manusia. Kemudian dia mengkaji al-Quran, nanti dia akan menemui penyelesaian-penyelesaian dalam ayat-ayat yang dia baca sebelum itu dan belum pernah terlintas di fikirannya.
6. Para pembaca –apabila ingin memahami al-Quran- mestilah beramal bersesuaian dengan apa yang dibawa olehnya, kerana ia adalah kita dakwah dan tindakan.

\_\_\_\_\_ :

-1  
-2  
-3  
-4  
-5  
-6

\_\_\_\_\_ :

- :